


# KEMPUNAN TUNAI UMRAH

Agensi urus perjalanan ke Tanah Suci 'ghaib',  
duit KWSP dan tabungan 'hangus'



ANTARA individu yang membuat laporan polis di IPD Kluang semalam selepas agensi umrah yang sepatutnya membawa mereka ke Tanah Suci untuk menunaikan umrah tiba-tiba menghilangkan diri.

Oleh **ADNAN IBRAHIM**

**KLUANG** – Impian sekumpulan bakal jemaah untuk menunaikan umrah tidak kesampaian apabila syarikat yang sepatutnya menguruskan perjalanan mereka ke Tanah Suci pada 8 November lalu tiba-

tiba menghilangkan diri bersama wang tunai hampir RM100,000.

Lebih mengecewakan apabila pejabat pengurusan syarikat berkenaan yang terletak di Putrajaya turut ditutup, manakala panggilan telefon yang dibuat kepada agensi terabit tidak berjawab.

Difahamkan, berpuluh-puluh individu menjadi mangsa penipuan syarikat berkenaan dengan kebanyakan daripada mereka merupakan pasangan suami isteri dan ahli keluarga.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2





KESEMUA mangsa mendakwa mereka sepatutnya menunaikan umrah pada 15 Mei 2023 sebelum ditunda ke 8 November 2023. – GAMBAR HIASAN

# Kempunan tunai umrah

## DARI MUKA 1

Seorang pesara kerajaan, Rosman Harun, 56, berkata, tindakan tidak bertanggungjawab syarikat berkenaan menyebabkan hasratnya membawa isteri dan ibu untuk menunaikan umrah pada tahun ini lebur.

Katanya, sepanjang berurusan dengan agensi terbabit, dia telah membuat bayaran sebanyak RM24,170 yang dibuat menerusi dua transaksi iaitu pada 27 Disember 2022 dan 7 Mac 2023.

"Kesemua duit bayaran umrah itu adalah duit yang saya simpan dalam Kumpulan Wang

Simpanan Pekerja (KWSP) sejak tahun 2017.

"Sebenarnya, kami mengambil pakej yang disediakan oleh syarikat berkenaan memandangkan salah seorang ahli keluarga pernah menggunakan syarikat itu ketika menunaikan umrah pada Februari tahun lalu.

"Atas sebab itu saya tanpa ragu-ragu membuat bayaran kepada mereka," katanya ketika ditemui *Kosmo!* selepas membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang di sini semalam.

Menurut Rosman, mereka sepatutnya menunaikan umrah

pada 15 Mei 2023 sebelum ditunda ke 8 November 2023.

"Bagaimanapun, apabila panggilan dan mesej kepada pengurusan syarikat tidak dijawab, saya mengambil keputusan untuk datang ke pejabat syarikat itu yang terletak di Putrajaya.

"Namun, usaha saya itu ternyata tidak berbaloi apabila pejabat syarikat berkenaan sudahpun ditutup," ujarnya.

Tambahnya lagi, ketika berada di Putrajaya, dia turut bertemu dengan berpuluh-puluh lagi individu yang dipercayai menjadi mangsa penipuan syarikat umrah berkenaan.

Dalam pada itu, seorang lagi mangsa, Mohd. Hazwan Enkana Abdullah, 57, berkata, wang tabungan yang mula disimpan sejak tujuh tahun lalu berjumlah RM19,850 habis begitu sahaja selepas agensi umrah berkenaan menghilangkan diri secara tiba-tiba.

"Kami kecewa kerana sebelum ini, pihak syarikat menyuruh kami membayar kesemua tunggakan bagi bayaran pakej yang akan digunakan.

"Namun, bila bayaran telah dibuat, mereka pula menghilangkan diri dan tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan

penjelasan," tegasnya.

Susulan kejadian itu, Mohd. Hazwan mengesa pihak berkuasa menyiasat berhubung laporan yang dibuat dan mengheret pemilik syarikat berkenaan ke muka pengadilan kerana menipu serta melesapkan wang mereka.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Bahrin Mohd. Noh mengesahkan menerima laporan daripada kedua-dua mangsa semalam.

Tambahnya lagi, siasatan akan dilakukan dan akan diserahkan kepada pihak di Bukit Aman untuk tindakan selanjutnya.

## Kes bakal jemaah ditipu agensi umrah

- **26 April 2023**  
Seramai 80 bakal jemaah umrah kerugian RM600,000 selepas hasrat mereka untuk ke Tanah Suci tidak kesampaian apabila mendakwa ditipu sebuah agensi pelancongan di Kota Bharu, Kelantan.
- **3 April 2023**  
Hajat 15 sekeluarga untuk menunaikan ibadah umrah tidak kesampaian apabila mereka menjadi mangsa penipuan agensi umrah sehingga kerugian RM118,800 di Alor Setar, Kedah.
- **7 Mac 2023**  
Seramai 38 individu kerugian lebih RM120,000 selepas dipercayai ditipu membabitkan pakej umrah dengan membayar wang berkenaan kepada sebuah yayasan melalui seorang guru besar wanita pada 2018 di Alor Setar, Kedah.